

RESPON INTELEKTUAL TERHADAP PENGGUNAAN HADIS DALAM DRAMA

**Abur Hamdi Usman, Mohd Norzi Nasir, Ahmad A'toa Mokhtar, Bahtiar Mohd Nor,
Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Fakulti Pengurusan Muamalat, Kolej Universiti Islam Anrabangsa Selangor (KUIS), 43000 Bandar Seri Putra, Selangor. Email: aburhamdi@kuis.edu.my

Abstrak

Penggunaan drama untuk tujuan menyampaikan mesej dakwah dilihat sebagai pendekatan baharu yang perlu diambil peluang. Penyebaran dalil hadis dalam drama secara tidak langsung telah memasyarakatkan sunnah dalam kalangan audiens. Namun, penyampaian dakwah itu juga perlu diteliti kebenarannya terutama martabat hadis yang digunakan dalam industri Seni Filem Negara. Hadis dan drama dilihat sebagai proses input dan output kepada masyarakat yang menontonnya. Justeru, artikel ini membincangkan hubungan antara hadis sebagai sumber kedua perundangan Islam dengan drama sebagai wasilah kepada medium dakwah masa kini. Artikel ini untuk mencerakin respon intelektual agama berkenaan kesalahan dalam pemilihan hadis, seterusnya perbincangan konsep pendalilan hadis berdasarkan pandangan ulama-ulama. Dengan menggunakan metode analisis kualitatif, artikel ini mendapati perbincangan tentang drama pada pandangan intelektual merujuk kepada asas penggunaan dan etika pendalilan (takhrij al-hadis) dalam menjadi hujah dalam drama. Ini kerana drama hanya sebagai salah satu alat untuk penyampaian hadis. Maka isu martabat sahih atau daif bukanlah bermasalah pada alat, tetapi merujuk kembali kepada pihak yang mengeluarkan dan memasukkan hadis tersebut ke dalam drama.

Kata Kunci: Drama; Hadis; Dakwah; Intelektual; Malaysia.

1.0 Pendahuluan

Islam yang meletakkan al-Quran dan hadis sebagai sumber usul kehidupan memainkan peranan penting dalam mengharmonikan hidup penganutnya. Malah dua sumber ini secara amnya tidak boleh dipertikaikan kerana ianya merupakan perkara yang telah tetap dan kuat dalam memastikan kemaslahatan umat Islam, maka tidak wujud isu ada pengurangan atau penambahan dalam sumber Islam ini. Malah ramai sarjana-sarjana yang membincangkan tentang perihal keperibadian rasulullah, dan tidaklah ianya Sunnah melainkan semuanya datang dalam bentuk hadis merupakan sandaran dari diri Rasulullah saw. Menurut syeikh Yusuf al-Qaradhawi (1993) as-Sunnah merupakan penafsiran al-Quran dalam praktik atau penerapan ajaran Islam secara faktual dan ideal. Hal ini mengingat bahawa peribadi Nabi saw merupakan perwujudan dari al-Quran yang ditafsirkan untuk manusia, serta ajaran Islam yang dijabarkan dalam kehidupan sehari-hari.

Hadis dalam kehidupan merangkumi seluruh aspek dan sudut selagimana seseorang itu masih hidup maka terikatlah ia dengan Sunnah. Dapatlah disimpulkan bahawa Sunnah Nabi saw

adalah manhaj yang terinci bagi kehidupan seorang Muslim dan masyarakat Muslim. Rasulullah dalam sunnahnya menjadi *role model* untuk seluruh ummatnya dalam semua keadaan, samada susah atau senang, dalam isu hukum maupun muamalat semuanya telah terangkum di dalam Sunnah, empat dasar yang telah didasari al-Quran dan hadis iaitu aqidah, ibadah, syariat dan akhlak.

Dewasa ini industri seni lakonan berkembang biak seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan, perkembangannya disokong dengan kemajuan teknologi yang sering keterhadapan dari zaman ke zaman. Bermula daripada seni tarian kepada seni lakonan pentas sehingga kini ianya telah dipaparkan di monitor-monitor kaca televisyen malah berada di gajet-gajet audiens. Artikel ini melihat drama adalah sebagai medium perantara yang sangat jelas kekuatannya dalam membawa pengaruh kepada masyarakat. Asiah & Nur (2008) turut berpendapat bahawa filem adalah medium komunikasi yang mempunyai kekuatan audio dan visual yang luar biasa mampu memanipulasi makna yang maksimum untuk mendapat perhatian khalayak. Maka tidak sangsilah sekiranya filem atau drama boleh menjadi sebab kepada hancurnya nilai-nilai murni dalam masyarakat. Malah Sigfried Kracauer (1960) melihat filem sebagai paparan mentaliti sesuatu bangsa yang diterjemahkan melalui imej audio dan visual secara langsung kepada masyarakat. Justeru, filem dilihat banyak memberi kesan kepada perubahan dan pembentukan tingkah laku selaras dengan peranannya sebagai agen perubahan kepada masyarakat. Oleh itu, artikel ini membahaskan berberapa isu berkenaan kewujudan hadis dalam drama sebagai platform penyebaran dakwah kepada masyarakat secara umum. Dari sudut teknikalnya artikel ini menyentuh berkenaan beberapa isu sensitiviti penggunaan hadis dalam drama yang menjadi kerisauan tentang sumber hadis dan martabatnya dalam menjadi dalil kepada konten drama.

2.0 Drama Platform Dakwah

Drama bergenre dakwah adalah drama yang mematuhi batas-batas agama Islam. Ia mengajak kepada cara hidup bertakwa, menekankan kebaikan amalan bermasyarakat dan mesti berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Justeru, drama dan dakwah tidak dapat dipisahkan. Ia membawa peradaban kepada manusia serta membimbing mereka ke jalan yang benar (Mana, 2006)

Sejak akhir-akhir ini Malaysia telah dikejutkan dengan beberapa filem dan drama berunsur Islamik yang membawa aura baru dalam industri filem negara, dilihat kemunculan beberapa filem seperti *Nur Kasih The Movie*, *Tujuh Petala Cinta*, *99 Kali Rindu* dan drama-drama seperti *Tanah Kubur*, *Sayap Jibril*, *Istikarah Cinta* dan banyak lagi. Dengan adanya kemunculan filem dan drama seperti ini, masyarakat mula didedahkan dengan mesej-mesej berbentuk Islamik di dalam dialog dan jalan penceritaan. Tanpa disedari proses dakwah iaitu komunikasi antara drama dan audiens ini berlangsung. Oleh itu, sumber perundangan Islam iaitu al-Quran dan hadis mula dijadikan sebagai dalil dan hujah di dalam dialog-dialog diantara pelakon filem dan drama. Filem dan drama berunsur Islamik ini datang seperti satu gelora ombak yang besar kerana ianya datang menarik perhatian masyarakat sejak kemunculan drama *Nur Kasih* yang telah ditayangkan pada 2009 arahan pengarah terkenal Khabir Bakhtiar telah mencapai tontonan seramai hampir 5 juta penonton dalam satu-satu masa. Dan ini membuktikan bahawa masyarakat Malaysia menyukai drama yang membawa unsur Islam untuk dijadikan sebagai tatapan penonton.

Rentetan dari keberjayaan itulah industri ini mula dipenuhi dengan drama dan filem-filem berunsur Islamik. Maka filem atau drama sebagai platform dakwah dilihat mengambil tempat

dalam industri seni tempatan. Dakwah melalui seni perfileman menyatakan kewujudan filem-filem yang berunsur Islamik mampu menjadikan arena perfileman sebagai satu saluran yang berkesan dalam penyampaian mesej dakwah kepada golongan sasaran. Menurut **Dusuki Ahmad (2011)**, filem dan drama merupakan elemen yang cukup berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan. Filem atau drama merupakan wahana yang ampuh untuk menyampaikan dakwah yang juga merupakan salah satu wadah dalam mempertahankan syiar Islam.

3.0 Hadis dan Drama

Hadis yang merupakan sumber perundangan Islam kedua menjadi *niche* utama dalam artikel ini, malah dihubungkaitkan antara hadis dan drama untuk melihat kesinambungan antara keduanya dalam memberi impak kepada masyarakat Islam Malaysia khususnya. Idea ini mula timbul apabila kita melihat banyak filem dan drama yang diterbitkan menggunakan hujah-hujah hadis dalam dialog dan visualnya, namun adakah karyawan seni dan penerbit faham tentang penggunaan dan pengamalan hadis ini secara umumnya?

Drama dan filem pada ketika ini ibarat ‘cendawan yang tumbuh selepas hujan’, setiap minggu dan setiap bulan satu-satu drama dan filem terhasil dengan sentuhan khas tangan pengarah dan penerbit filem/drama tempatan. Malah pada abad ini mula lahir insan karyawan seni yang membawa wajah Islam pada industri seni negara. Keberanian pengarah-pengarah muda seperti Shamsul Yusof melalui filemnya *Munafik* pecah panggung pada tahun 2016 dengan kutipan sebanyak RM19.00 juta, filem bergenre seram namun mengangkat nilai Islam dari sudut penerimaan qada’ dan qadar kehidupan serta pengamalan kehidupan seorang pengamal perubatan Islam mencerminkan nilai-nilai utama dalam menjadi uswatun hasanah kepada pengarah dan penerbit yang lain dalam memajukan industri filem negara.

Drama pada masa kini banyak melakonkan watak-watak seorang alim seperti ustaz ataupun guru yang berhujah dengan menggunakan dalil dan nas dari al-Quran dan hadis Nabi saw. Ianya adalah satu perkembangan yang sangat baik kerana filem dan drama telah dijadikan sebagai platform dakwah kepada masyarakat. Sesuai dengan pendapat Asiah dan Nur (2008) bahawa filem adalah medium komunikasi yang mempunyai kekuatan audio dan visual yang luar biasa mampu memanipulasi makna yang maksimum untuk mendapat perhatian khalayak, malah berperanan sebagai agen perubahan. Maka tidak hairanlah ianya sesuai untuk dijadikan sebagai platform pembentukan pendidikan, politik, sahsiah dan ideologi masyarakat. Dalam menyampaikan mesej dan ideologi kepada masyarakat terkadang pihak produksi sendiri kurang memahami nas dan hujah yang dikeluarkan dari al-Quran dan hadis. Lantaran itu berlaku dialog-dialog yang tanpa sengaja menjadi hadis Nabi SAW. Dan bukan isu itu sahaja yang timbul malah berlaku salah faham dalam memahami maksud hadith yang dijadikan hujah dalam lakonan. Drama Islam atau bukan islam bukanlah ukurannya, selagimana satu-satu drama atau filem dilakonkan dan membawa hujah atas nama Nabi maka perlu diteliti dengan jelas akan makna sebenar sesuatu hadith tanpa memesongkan makna dan pemahaman sesuatu hukum dari dari hujah hadith tersebut, kerana risau akan menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat beragama Islam khususnya.

Oleh itu, setiap individu dalam bidang ini perlu jelas bahawa drama Islam adalah satu platform yang menerapkan segala bentuk nilai murni, drama yang menyebarluaskan kebenaran, kebaikan dan kesucian Islam dan drama yang yang menegakkan amar maafnah mungkar. Sesebuah filem/ drama Islam yang sebenarnya tidak akan berhasil, jika pembikin dan pengkaryanya tidak dididik dengan Islam dan terdidik di dalam Islam! Setiap orang Islam wajib

menjaga dan mempertahankan lima perkara. Pertama agama, kedua nyawa, ketiga harta, keempat keturunan dan kelima akal. Maka dalam hubungan filem dan drama Islam ini, kelima-lima perkara ini perlu dijaga terutama yang perlu dipertahankan ialah agama, keturunan dan akal. Janganlah melalui filem/ drama dan kerana kepentingan seni ‘kononnya’ agama perlu digadaikan. Begitu juga kerana sesuatu kepentingan yang tertentu yang lebih bersifat keduniaan, akal budi keturunan bangsa dikorbankan (Naim 2010).

Sehubungan dengan itu penggunaan hadis dalam drama perlu diamati dengan lebih bijak oleh para pengarah dan pengkaryawan bagi memastikan agar nilai Islam sebenar dapat disampaikan melalui platform drama atau filem. Kelemahan dalam menyampaikan makna sebenar hadith serta kesesuaian hadith dengan plot penceritaan bimbang akan menghalang audiens dari memahami plot penceritaan yang hendak disampaikan serta nilai utama dari hadith yang didialogkan.

4.0 Refleksi intelektual terhadap fungsi Hadis dalam drama

Hadis bukanlah sumber yang boleh diambil sesuka hati untuk dijadikan dalil. Kerana bahayanya manusia apabila bermain dengan nama Nabi SAW, andai ini berlaku maka wujudlah banyak hadis-hadis palsu yang bertebaran dalam masyarakat, dan setiap hadis tersebut memenuhi kepentingan nafsu manusia tanpa memikirkan kesannya kepada masyarakat Islam yang lain. Hadis di dalam drama dilihat sebagai isu yang secara umumnya merupakan satu kesedaran pihak-pihak tertentu lantas menjadikan medium drama sebagai wasilah penyampaian dakwah. Dan ini merupakan satu usaha murni yang patut dibanggakan namun kesedaran dalam disiplin ilmu juga perlu dilihat dengan lebih teliti. Kerana kerisauan berlakunya penyebaran hadis-hadis daif dan palsu dalam wasilah penyampaian dakwah kepada masyarakat. Semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan hadis dapat difahami maknanya mengikut disiplin ilmu hadis. Bermula dari individu atau kumpulan penyampai kepada penerima, kedua-duanya bertanggungjawab dalam berusaha memahami Sunnah agar tidak timbul kekeliruan makna hadis tersebut.

Bentuk-bentuk hadis yang tersebar di Tanah Melayu pada awalnya yang menjadi indikasi kurangnya perhatian ulama dan masyarakat ketika itu terhadap pengajian hadis. Jika di Timur Tengah aspek kajian sanad berkembang pesat dengan penghasilan pelbagai karya berkaitan ilmu rijal namun berlaku sebaliknya di Tanah Melayu. Antara bentuk-bentuk penulisan hadis yang ditemui dalam kebanyakan penulisan ulama di Tanah Melayu ialah seperti berikut (Faisal Ahamed Shah, 2016):

- a. Kebanyakan hadis-hadis yang tersebar dikemukakan terjemahannya dalam bahasa Melayu tanpa matannya dalam bahasa Arab. Kadangkala terjemahan tersebut mengandungi banyak kesilapan dari sudut terjemahan maknanya (Jawiah Dakir, Budah@Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim, Faisal Ahmad Shah, 2009).
- b. Terdapat juga beberapa hadis yang dikemukakan secara ringkas tanpa awalan hadis atau keseluruhan hadis.
- c. Kebanyakan hadis-hadis masyhur yang tersebar di kalangan umat Islam membincangkan mengenai *fadail al-a'mal*.
- d. Terdapat beberapa buah hadis yang merupakan kata-kata dan pendapat sahabat, tabiin dan imam mujtahid yang disandarkan kepada Nabi SAW.

- e. Terdapat beberapa hadis yang bukan bersumber daripada Nabi atau sahabat, tabiin dan imam mujtahid tetapi dinyatakan sebagai hadis Nabi SAW.

Oleh itu, pada zaman yang serba canggih ini penyebaran maklumat tidak dapat dikawal selia dengan baik, ini kerana jurang maklumat global dan meluas, dan tanpa disedari hadis-hadis daif dan palsu bermain dalam teknologi maklumat dan akhirnya masyarakat menerima bulat-bulat hadis yang disebarluaskan. Tetapi dalam proses penggunaan hadis di dalam drama atau filem sepatutnya dikawal selia dengan lebih baik, lebih berhati-hati dalam memasukkan sebarang hadis di dalam skrip dan dialog drama.

Perbincangan tentang drama pada pandangan intelektual adalah satu perkara yang amat segar untuk dibincangkan, hanya segelintir tokoh yang menulis atau membincangkan isu ini. Namun perbincangan berkenaan akhirnya kembali pada usul dan dasar penggunaan hadis tersebut, ini kerana drama hanya sebagai alat untuk penyampaian hadis. Maka isu martabat saih atau daif bukanlah bermasalah pada alat, tetapi merujuk kembali kepada pihak yang mengeluarkan dan memasukkan hadis tersebut ke dalam drama.

Penggunaan dan penyebaran hadis ini berlaku di mana-mana medium elektronik samada filem, drama, televisyen mahupun gajet-gajet elektronik. Dr. Mohd Asri Zainal Abidin mufti Negeri Perlis memberi komentar beliau terhadap pengacara TV al-Hijrah ketika membacakan satu hadis Nabi SAW, berikut adalah komentar beliau:

Semalam semasa saya mengunjungi ibu saya, saya tertonton rancangan di TV Hijrah diberi nama 'Persepsi: Melayu Keliru'. Dari satu sudut saya rasa jika seorang non-muslim menonton rancangan tersebut dia mungkin akan sangka Islam itu Melayu dan Melayu itu Islam. Namun saya lebih tersentak apabila pengacara membaca sebuah hadis yang tidak saih bahkan ulama hadis menghukumnya sebagai palsu tapi pengacara itu menyatakan hadis itu riwayat al-Bukhari dan Muslim. Satu penipuan fakta terhadap kedua kitab saih berkenaan.

Beliau membaca dalam bahasa melayu -lebih kurang- sabda Nabi SAW (kononnya):
"wahai anakku Fatimah! Adapun wanita yang digantung rambutnya dalam neraka kerana dia tidak menutup rambutnya dari lelaki"

Hadir ini asalnya dalam lafaz arab berbunyi:

يَا ابْنَىٰ: أَمَّا الْمُعَلَّقَةُ بِشَعْرِهَا فَإِنَّمَا كَانَتْ لَا تَغْطِي شَعْرَهَا مِنَ الرِّجَالِ

Hadis ini sebenarnya tiada dalam kitab-kitab hadis utama *Ahlussunah wal Jamaah* namun ia ada diriwayat oleh kitab-kitab Syiah seperti kitab besar karangan al-Majlisi iaitu *Bihar al-Anwar* dan *'Uyun Akbar al-Rida* oleh as-Saduq. Rawi-rawi hadis tidak dipercayai. Maka ia hadis yang palsu yang tidak boleh diriwayatkan tanpa penerangan apatahlagi disandarkan kepada al-Bukhari dan Muslim. Kitab al-Kabair dalam edisi yang cuba dikaitkan dengan az-Zahabi ada menyebut riwayat ini tanpa sanad.

Hendaklah kita semua berhati-hati dalam hal ini. Sabda Nabi SAW dalam hadis mutawatir:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلِيَتَبُوأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

"Sesungguhnya berdusta ke atasku (menggunakan namaku) bukanlah seperti berdusta ke atas orang lain (menggunakan nama orang lain). Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka siaplah tempat duduknya dalam neraka".

[al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ilm, Bab Ismu man Kazaba 'ala Nabi, No 110]

Al-Imam Ibn Hibban (w. 354H) dalam sahihnya meletakkan satu pasal yang beliau namakan:

فصل: ذكر إيجاب دخول النار لمن نسب الشيء إلى المصطفى صلى الله عليه وسلم وهو غير عام بصحته

(Pasal menyebut ketetapan memasuki neraka untuk sesiapa yang menyandarkan sesuatu kepada al-Mustafa (Nabi Muhammad) SAW, sedang dia tidak tahu mengenai kesahihannya).

Jika benar ada hadis perempuan digantung rambut dalam neraka kerana tidak tutup rambut dari pandangan lelaki nescaya fuqaha tidak bersusah payah mencari dalil dalam masalah ini. Hampir keseluruhan fuqaha menyatakan rambut aurat adalah berdasar kesimpulan yang mereka fahami dari ayat al-Quran Surah an-Nur ayat 31:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَعْصُمْنَ مِنْ أَبْصَرَهُنَّ وَيَحْفَظُنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبَنَ
بِخُمْرٍ هُنَّ عَلَى جِيُوبِهِنَ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَ إِلَّا لِبَعْوَلَتِهِنَ أَوْ إِبَالَتِهِنَ أَوْ إِبَائَهِنَ أَوْ إِبَائَهِنَ أَوْ إِبَائَهِنَ أَوْ إِبَائَهِنَ
أَوْ إِخْوَهِنَ أَوْ بَنَى إِخْوَهِنَ أَوْ بَنِي إِخْوَهِنَ أَوْ نِسَاءَهِنَ أَوْ مَلَكَتِهِنَ أَيْمَانُهُنَ أَوْ الْأَنْبَعِينَ غَيْرَ أُولَى الْإِرْبَةِ مِنَ
الرِّجَالِ أَوْ الْطَّفَلِ الَّذِينَ لَمْ يَطْهُرُوا عَلَى عَوَرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبَنَ بِأَرْجُلِهِنَ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِيْنَ مِنْ زِينَتِهِنَ وَنُوبُوا
إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٣١

Maksudnya:

Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.

Komentar tersebut dibuat oleh Dr Mohd Asri Zainal Abidin di dalam kenyataan Facebook bertarikh 28 Oktober 2014. Hadis berkenaan digantung rambut wanita yang menampakkan rambutnya kepada lelaki merupakan hadis yang *maudhu'* kerana disisi az-Zahabi ianya tidak bersanad merujuk kepada *kitab al-Kabair li Zahabi Bab al-Kabirah Sabi'ah wa arba'un Nusyuz al-Mar'ah 'ala Zaujiha* Jilid 1/ms 178. Ini menunjukkan tindak balas intelektual agama dalam isu-isu penggunaan hadis secara terbuka di kaca Televisyen. Kesilapan dalam penyebaran fakta hadis akan memberi kesan kepada pemahaman dan pengamalan masyarakat terhadap hadis-hadis Nabi SAW.

Antara perbincangan utama dalam penggunaan hadis sebagai penguat isi kandungan drama perlu dirujuk ulasan ulama berkaitan kaedah berinteraksi dengan al-Sunnah. Hal ini kerana setiap individu (Pengarah drama) perlu mengekalkan sikap berhati-hati ketika berdalil dengan hadis. Yusuf al-Qaradawi (1993) menegaskan perkara ini kerana pada hakikatnya merupakan kewajipan setiap ilmuwan untuk terus mengekalkan rujukan kepada sumber-sumber yang asal sahaja, dan membebaskan kecenderungan peribadi terhadap hadis-hadis lemah, palsu, dan yang tidak ada asalnya. Hadis dengan kategori ini telah memenuhi kitab-kitab di bidang pengajian Islam, malah bercampur aduk dengan hadis-hadis lainnya yang berstatus sahibh ataupun *hasan*, tanpa pemisahan yang jelas antara kedua-duanya. Sehingga tidak dapat dibezakan hadis yang bertaraf *maqbul* (diterima) ataupun yang *mardud* (tertolak). Sifat berhati-hati dalam memilih hadis yang bermartabat *maqbul* dilihat perlu merujuk kepada pakar dalam bidang hadis.

Oleh itu, penting untuk satu unit tapisan atau kawal selia hadis ditubuhkan dalam memastikan standard hadis yang dimasukkan ke dalam drama memenuhi syarat-syarat hadis *maqbul*.

Seterusnya perbincangan yang boleh dikaitkan dengan hadis dalam drama menyentuh isu memahami hadis dengan mempertimbangkan latar belakang, situasi dan kondisinya ketika disabdarkan sesebuah hadis oleh Rasulullah SAW. Di antara pendekatan terbaik untuk memahami hadis nabi saw ialah dengan memperhatikan sebab-sebab khusus yang melatarbelakangi diucapkannya suatu hadis, atau kaitannya dengan suatu '*illah*' (alasan, sebab) tertentu, yang dinyatakan dalam hadis tersebut atau disimpulkan darinya, ataupun dapat difahami dari kejadian yang menyertainya. Kajian mendapati bahawa terdapat hadis yang diucapkan berkaitan dengan keadaan yang khusus, ataupun demi suatu kebaikan yang diharapkan, atau hendak mencegah suatu perkara buruk ketika itu. Ini bererti bahawa suatu hukum yang dibawa oleh suatu hadis adakah tampak bersifat umum dan untuk waktu tidak terbatas, namun jika diperhatikan lebih lanjut akan diketahui bahawa hukum tersebut berkaitan dengan suatu '*illah* tertentu, sehingga ia akan hilang dengan sendirinya jika '*illahnya* telah hilang, dan tetap berlaku jika masih berlaku '*illahnya*'. Justeru itu, sebelum memasukkan elemen hadis ke dalam mana-mana babak drama, seorang pengarah perlu memastikan kesahihan hadis itu telah dirujuk kepada pakar bidang agar tidak menyebarkan kekeliruan terhadap masyarakat di kemudian hari.

Yusuf al-Qaradawi (1993) turut menjelaskan bahawa untuk dapat memahami hadis dengan pemahaman yang benar dan tepat, haruslah diketahui kondisi yang meliputinya serta di mana dan untuk tujuan apa ia diucapkan. Sehingga dengan demikian maksudnya benar-benar menjadi jelas dan terhindar dari pelbagai perkiraan yang menyimpang dan terhindar daripada pengertian yang jauh dari tujuan sebenarnya. Sebagaimana dalam usaha memahami al-Quran, maka para mufassirin mengkaji teliti *asbab al-nuzul* (sebab-sebab yang melatar belakangi turunnya ayat-ayat al-Quran). Justeru perkara yang sama dilakukan untuk memahami hadis. Ahli hadis mengkaji dengan terperinci *asbab al-wurud* (sebab atau peristiwa yang melatar belakangi diucapkannya suatu hadis). Sehubungan dengan itu, dari konteks hadis dalam drama ianya dapat dipraktikkan dari dua sudut, iaitu perlunya hadis yang didialogkan di antara pelakon menerangkan tentang konten hadis secara lengkap berserta *asbab al-wurud* ataupun dipaparkan pada skrin pada awal drama atau penghujungnya.

Dalam memahami hadis, Muhammad al-Ghazali (1996) menawarkan empat garis panduan:

a) Pengujian dengan al-Quran

Maksudnya adalah setiap hadis harus difahami dalam kerangka makna-makna yang ditunjukkan oleh al-Quran sama ada secara langsung maupun tidak. Dengan begitu, seseorang perlu menilai adakah makna hadis selaras dengan makna zahir ayat al-Quran, mesej dan nilai murni yang dikandung oleh tafsiran ayat al-Quran.

b) Pengujian dengan hadis

Maksudnya ialah hadis yang dijadikan sebagai dalil tidak bertentangan dengan hadis *mutawatir* dan hadis selainnya yang lebih sahih. Hal ini kerana suatu hukum yang berdasarkan agama tidak boleh diambil daripada sebuah hadis yang terpisah dengan yang lainnya. Tetapi, setiap hadis harus dikaitkan dengan hadis yang selainnya. Kemudian hadis-hadis yang disatukan itu dikomparasikan dengan apa yang tunjukkan oleh al-Quran.

c) Pengujian dengan fakta sejarah

Sesuatu hal yang tidak dapat disanggah bahawa kemunculan hadis berada dalam sejarah tertentu. Oleh itu, antara hadis dengan sejarah kedua-duanya memiliki hubungan mesra yang saling menguatkan antara satu dengan yang lain. Kesesuaian antara hadis dengan fakta sejarah justeru menjadikan hadis memiliki sandaran yang kukuh. Begitu pula sebaliknya, jika berlaku percanggahan antara hadis dengan sejarah, maka salah satu di antara keduanya dapat diragukan kesahihannya.

d) Pengujian dengan kebenaran imiah

Maksudnya adalah setiap kandungan matan hadis tidak boleh bertentangan dengan teori ilmu pengetahuan atau penemuan ilmiah dan juga memenuhi rasa keadilan atau tidak bertentangan dengan hak asasi manusia. Oleh sebab itu, tidak logik apabila terdapat hadis yang mengabaikan prinsip keadilan. Justeru, bagaimanapun sahihnya sanad sebuah hadis jika makna yang dikandunginya bertentangan dengan prinsip keadilan dan melanggar hak asasi manusia, maka hadis tersebut tidak sepatutnya diterima.

Itulah empat garis panduan atau kaedah yang diletakkan oleh Muhammad al-Ghazali dalam menyesuaikan dan mengharmonikan pemilihan dalil matan hadis. Ianya dilihat sebagai satu panduan yang kontemporari dengan mengambilkira kepada kekuatan matan hadis yang fleksible. Apabila melihat kepada garis panduan tersebut ianya merupakan salah satu jalan yang boleh dijadikan panduan kepada golongan pakar untuk meletakkan piawaian standard hadis sebelum dimasukkan ke dalam drama sebagai tumpuan kepada masyarakat.

5.0 Kesimpulan

Setiap umat Islam memainkan peranan dalam menuntut ilmu dan memahami Sunnah dalam kehidupan. Kerana ilmu hadis ini tidak sekadar menjadi teori dalam pembelajaran, malah ianya termasuk praktial secara langsung dalam setiap perkara dan aktiviti yang merangkumi seluruh aspek. Perbincangan tentang kedudukan hadis di dalam drama-drama tempatan hanya sebahagian kecil dari Sunnah yang sepatutnya diaplikasikan dalam kehidupan. Oleh itu, menjadi kewajiban pada setiap muslim dari pelbagai latar belakang untuk sama-sama memahami dan seterusnya menghayati Sunnah nabi dalam kehidupan sehari-hari. Kerisauan dengan penyebaran hadis-hadis palsu adalah satu tingkat kesedaran yang baik sebagai seorang Muslim. Selain itu, gesaan pihak-pihak tertentu untuk menubuhkan satu unit khas pantauan yang dapat menyelia keluar masuk hadis di dalam drama, filem, silibus pendidikan serta pantauan yang menyeluruh terhadap penyebaran hadis palsu di dalam media internet. Usaha ini adalah dalam merangka kerjasama sesama kita seluruh Muslim dalam memastikan kemaslahatan hadis dan agama terjamin dengan harmoni.

6.0 Rujukan

- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd. Karim. 2008. Filem Cereka Melayu Sebagai Salah Satu Saluran Dakwah Remaja di Malaysia: Kajian Filem-filem Arahan Pengarag-Pengarah Filem Muda Selepas Tahun 2000. *Nadwah Ilmiah Syeikh Abdullah al-Ghadamisi al-Maghribi ke-2: Dakwah dan Media*.
- Dusuki Ahmad. (2011). *Menerapkan Nilai Agama Dan Keprihatinan Umat Dalam Filem Dan Drama*. Dalam Nor Hartini Saari (Ed.), Pemerkasaan Televisyen dalam Mendidik

- Masyarakat (hlm. 69-80). Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Faisal Ahmad Shah. 2016. Penyebaran Hadith Palsu dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan Cabaran. *Jurnal Ilmiah Berwasit Tahun keenam*, Bil: 11, Ramadhan 1437H, (Jun 2016). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Jawiah Dakir, Budah@Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim, Faisal Ahmad Shah. 2009. *Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij Dan Analisis dlm Jurnal Usuluddin*, Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Bil 29 , hlm 122.
- Manu Sikana. (2006). *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad al-Ghazali. 1996. *As-Sunnah An-Nabawiyah: Bain Al-Fiqh wa Al-Hadis*. Bandung: Mizan.
- Naim Ahmad. 2010. Filem Islam: satu perbicaraan. *Kertas Kerja Bengkel Fiqh Penyiaran Anjuran JAKIM, TV al-Hijrah & FDAM*. Bangi: ILIM.
- Sigfried Kracauer. 1960. *Theory of Film. The Redemption of Physical Reality*. New York: Oxford University Press.
- Suryadi. 2008. *Metode Kontemporer Memahami Hadis Nabi*: Yogyakarta: Teras.
- Yusuf al-Qaradawi. 1993. *Kaifa Nata'amalu Ma'a As-Sunnah An-Nabawiyah*. Bandung: Karisma.
- <https://www.facebook.com/DrMAZA/posts/penyelewengan-fakta-hadis-di-tv-alhijrahsemalam-semasa-saya-mengunjungi-ibu-saya/10152875484722990/>